

**ISU 'PERHAMBAAAN' DALAM INDUSTRI KAPAS
DI UZBEKISTAN (1990-2014)**

ANITA ANAK NIRA



UMS

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
SASTERA (SEJARAH)**

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2017**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **ISU 'PERHAMBAAAN' DALAM INDUSTRI KAPAS DI UZBEKISTAN (1990-2014)**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA (SEJARAH)**

Saya **ANITA ANAK NIRA**, Sesi **2016-2017**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD



ANITA ANAK NIRA
MA1321006T

Disahkan oleh:

NURULAIN BINTI ISMAIL

LIBRARIAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



(TANDATANGAN
PUSTAKAWAN)

Tarikh: 05.06.2017


(DR. MAUREEN DE SILVA)
Penyelia

PENGAKUAN

Saya dengan ini mengakui bahawa karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

15 Mei 2012

Anita

Anita anak Nira

MA1321006T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : ANITA ANAK NIRA
NO. MATRIK: : MA1321006T
TAJUK : ISU 'PERHAMBAAN' DALAM INDUSTRI KAPAS DI
UZBEKISTAN (1990-2014)
IJAZAH : SARJANA SASTERA
(SEJARAH)
TARIKH VIVA : 10 FEBRUARI 2017



UMS
DISAHKAN OLEH;
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1. PENYELIA

Dr. Maureen De Silva

Tandatangan

PENGHARGAAN

Perjalanan seribu batu bermula dengan langkah pertama. Syukur kepada Tuhan, akhirnya perjalanan saya untuk menyempurnakan tesis tiba juga pada langkah yang akhir. Tanpa berkat-Nya, perkara ini tidaklah semudah yang disangka.

Pertamanya, saya ingin mendedikasikan ucapan penghargaan ini kepada pensyarah dan penyelia saya, Dr. Maureen De Silva kerana dengan tunjuk ajar serta bimbingan daripadanya telah membuka ruang untuk saya menyiapkan tugas ini dengan suksesnya. Beliau juga telah memberikan panduan yang terbaik dalam mencari maklumat sepanjang kajian ini berlangsung. Penghargaan turut diberikan kepada semua pensyarah Program Sejarah dan pihak Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Kritikan dan nasihat yang membina banyak membantu dalam penambahbaikan penulisan yang dihasilkan.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada suami saya En. Thangarajah a/l Kuppusamy, orang tua saya En. Nira Rimau, Pn. Chela Sabang, En. George Hannah, Pn. Kula Hannah serta ahli keluarga yang lain yang banyak membantu dari segi kewangan dan nasihat. Tidak lupa juga kepada rakan pascasiswazah yang banyak memberikan dorongan serta motivasi dalam meneruskan perjuangan dalam kajian dan penulisan tesis ini. Tanpa bantuan serta dorongan dari pelbagai aspek, mustahil untuk saya berada di peringkat yang saya ada sekarang.

Akhir kata, semoga Tuhan sentiasa memberkati kalian atas segala tunjuk ajar, dorongan serta bantuan yang tidak terhingga yang dihulurkan. Sekian dan terima kasih.

ANITA ANAK NIRA

15 MEI 2017

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk memahami industri pengeluaran kapas ('white gold') di Uzbekistan semasa era Presiden Islam Karimov dari tahun 1990 hingga 2014, dan perkaitannya dengan isu 'perhambaan' yang wujud. Ia cuba untuk menganalisis industri pengeluaran kapas sebagai tonggak dasar ekonomi Islam Karimov, dan sejauhmana guna tenaga telah digunakan dalam industri ini. Kajian mendapati bahawa industri pengeluaran kapas ini telah mencabar kehidupan rakyat Uzbekistan, terutamanya kanak-kanak, apabila mereka dipaksa bekerja, kadang-kadang dalam keadaan yang melampau, untuk mencapai sasaran dan kejayaan ekonomi. Pelbagai pihak antarabangsa tampil dan mendakwa bahawa pengeksploitasian buruh ini sebagai suatu bentuk perhambaan, kerana ianya melanggar undang-undang antarabangsa. Walau bagaimanapun, usaha pelbagai pihak dan tekanan antarabangsa sedikit sebanyak memberi impak kepada penggunaan buruh paksa dalam industri kapas Uzbekistan, namun isu penggunaan buruh paksa terutamanya buruh kanak-kanak masih mendapat kritikan berterusan. Kajian ini bergantung kepada sumber utama seperti dokumen, laporan dan statistik kerajaan, surat khabar, dokumentari dan laporan daripada pertubuhan-pertubuhan antarabangsa.

Kata Kunci: Islam Karimov, Kapas, Buruh Paksa, Buruh Kanak-Kanak, Perhambaan, Reaksi Antarabangsa



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

The 'Slavery' Issue in The Uzbekistan Cotton Industry (1990-2014)

This research aims to understand the cotton production industry (or "white gold") and its correlation to the issue of 'slavery' in Uzbekistan during President Islam Karimov's administration from 1990 until 2014. It seeks to analyse the production of cotton as one of the primary economic policies of President Islam Karimov, and the extent to which labour was utilised in the industry. The intense production of cotton witnessed the President forcing his people to 'contribute' labour by picking cotton each year. The study reveals that the cotton production industry as the mainstay of Islam Karimov's economic policy, had challenged the life of the people of Uzbekistan, particularly children, when they were worked, sometimes in extreme situations, to achieve targets and eventually economic success. Various international parties indicted and labelled the form of labour exploitation as slavery, as it contravened international law. Nevertheless, the efforts of various parties and international pressure had somewhat made an impact on the usage of labour in Uzbekistan's cotton industry, but the issue of using forced labour particularly child labour remained an issue. The research relies heavily on primary sources such as documents, reports and government statistics, newspapers, documentaries and reports from international organizations.

Keywords: *Islam Karimov, Cotton, Forced Labor, Child Labor, Slavery, International Reaction*



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH / FOTO	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
LAMPIRAN	xiii
BAB 1: PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Objektif Kajian	3
1.4 Sorotan Literatur	3-9
1.5 Kepentingan Kajian	9-10
1.6 Skop Kajian	10
1.7 Kaedah Kajian	11-12
1.8 Pembahagian Bab	12-13

1.9 Kesimpulan	14
----------------	----

BAB 2: PEMBENTUKAN NEGARA UZBEKISTAN DAN DASAR EKONOMI PEMERINTAH

2.1 Pengenalan	15
2.2 Pembentukan Negara Uzbekistan	16-25
2.3 Dasar Pentadbiran Islam Karimov Secara Umum	25-27
2.4 Dasar Ekonomi Pemerintah di Bawah Presiden Islam Karimov	27-36
2.4 Kesimpulan	36

BAB 3: INDUSTRI KAPAS REPUBLIK UZBEKISTAN

3.1 Pengenalan	37-40
3.2 Perkembangan Industri Kapas	40-45
3.3 Pengoperasian Industri Kapas Uzbekistan	45-56
3.4 Sumber Tenaga Kerja	56-60
3.5 Kesimpulan	61

BAB 4: REALITI KEHIDUPAN BURUH PAKSA KAPAS DI UZBEKISTAN DAN KEWUJUDAN ISU 'PERHAMBAAN'

4.1 Pengenalan	62
4.2 Realiti yang Berlaku ke Atas Buruh Kapas di Uzbekistan	63
4.2.1 Umur	63-67
4.2.2 Masa / Jangka Masa Bekerja	68-70
4.2.3 Bayaran	70-74
4.2.4 Kesihatan	74-79
4.2.5 Manipulasi, Eksploitasi dan Penganaiyaan Mental Serta Fizikal	79-86
4.3 Perhambaan Moden yang Wujud di Uzbekistan Dalam Industri Kapas	86-87
4.3.1 <i>Child Slavery</i> (Hamba/Buruh Kanak-kanak)	87-89
4.3.2 <i>Forced Labour</i> (Buruh Paksa)	90-92
4.4 Kesimpulan	93

BAB 5: REAKSI PELBAGAI PIHAK TERHADAP ISU 'PERHAMBAAN' DI UZBEKISTAN

5.1 Pengenalan	94
5.2 Reaksi Pelbagai Pihak Dalam Isu Buruh Paksa di Uzbekistan	95

5.2.1 <i>International Labour Organization (ILO)</i>	95-100
5.2.2 <i>Anti-Slavery International</i>	100-103
5.2.3 <i>Human Rights Watch</i>	103-105
5.2.4 <i>The Cotton Campaign</i>	105-106
5.2.5 <i>Uzbek-German Forum For Human Rights (UGF)</i>	106-108
5.2.6 Pihak Buruh dan Kumpulan Hak Asasi Manusia	108-110
5.3 Kesimpulan	111-112
BAB 6: RUMUSAN	113-121
BIBLIOGRAFI	122-132
LAMPIRAN	133-136



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.1: <i>MY12/13 Official Seed Cotton Plant Area and Production Target by Regions as of October 23, 2012</i>	44
Jadual 3.2: <i>MY14/15 Official Seed Cotton Plant Area and Actual Production by Regions</i>	45
Jadual 3.3: Perbelanjaan dan Pendapatan Petani Kapas	49
Jadual 3.4: Senarai Pihak Berkepentingan dan Pihak yang Terlibat Dalam Proses Pengeluaran dan Penjualan Kapas Serta Peranan Mereka	52-54
Jadual 3.5: Peringkat-peringkat dan Jangka Masa Pengeluaran Kapas Mentah	55
Jadual 5.1: <i>Ratification Status for Uzbekistan</i>	97



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH / FOTO

	Halaman
Rajah 3.1: Sistem Eksport Uzbekistan	50
Foto 2.1: Peta Uzbekistan	16
Foto 3.1: Kapas Uzbekistan	38
Foto 3.2: <i>Central Asia, Formerly Part of the Soviet Union</i>	39
Foto 3.3: Jentera Penuai Kapas	58
Foto 4.1: Buruh Paksa Kanak-kanak	72
Foto 4.2: Sumber Air di Ladang Kapas	76
Foto 4.3: Roti yang Diberikan Kepada Kanak-kanak Sekolah di Daerah Namangan	79
Foto 4.4: Kenyataan Pelajar (Sukarela Untuk Memetik Kapas)	81
Foto 4.5: Keadaan Bilik Buruh Paksa	82
Foto 4.6: Hamba Kanak-kanak di Ladang Kapas Uzbekistan	88
Foto 4.7: Buruh Paksa di Ladang Kapas Uzbekistan	91

LAMPIRAN

	Halaman
Foto A1: <i>Activist Dmitry Tikhonov Was Detained and Beaten By The Police As He Was Documenting People Being Sent To The Cotton Fields on September 21, 2015</i>	133
Foto A2: <i>Elena Urlaeva Detained By The Police While She Was Documenting People Picking Cotton</i>	133
Foto A3: Tempat Tidur untuk Pemetik Kapas	134
Foto A4: Tandas untuk Pemetik Kapas	134
Foto A5: <i>Mobilization of high-school students, September 16-17, 2013, Tashkent region</i>	135
Foto A6: <i>Letter from the Republic of Uzbekistan Prosecutor's Office, Djizzakh Region Prosecutor's Office to the Head of the Police Zarbdor District Major A. Begmatov, concerning farmland confiscated by the government from farmers who planted vegetables and other crops instead of cotton</i>	136



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

International Labour Organisation (ILO) mendakwa bahawa sekurang-kurangnya terdapat 21 juta lelaki, wanita dan kanak-kanak yang masih bekerja dalam pekerjaan yang berbentuk perhambaan di seluruh dunia. Isu perhambaan ini tidak berakhir dengan menyeluruh melalui penghapusan yang dilakukan pada abad yang ke-19. Oleh itu tidak hairanlah bahawa, amalan ini masih lagi berterusan dalam bentuk yang sama atau berlainan di beberapa negara di dunia. Ianya mungkin dijalankan dalam bentuk buruh terikat, perhambaan kanak-kanak, buruh paksa, perhambaan berdasarkan keturunan atau juga pemerdagangan orang.

Uzbekistan umpamanya merupakan antara negara yang dikaitkan dengan isu perhambaan. Pengusahaan kapas di Uzbekistan yang dikatakan positif dari segi sumbangannya terhadap ekonomi negara itu sendiri, walau bagaimanapun telah menimbulkan isu perhambaan apabila kerajaan Uzbekistan melalui dasar ekonominya telah memaksa rakyatnya sendiri yang terdiri daripada pelbagai latar belakang untuk menuai kapas saban tahun apabila tibanya musim menuai. Keadaan ini menyebabkan pelbagai pihak tampil dalam usaha membanteras isu perhambaan buruh paksa di ladang kapas di Uzbekistan.

Penelitian awal mendapati bahawa tidak banyak penulisan yang secara mendalam menghubungkan dasar ekonomi utama oleh kerajaan yang membawa kepada isu memperhambakan rakyat di Uzbekistan. Oleh yang demikian, kajian ini akan memfokuskan tentang kaitan dasar ekonomi utama Presiden Islam Karimov yang membawa kepada penggunaan rakyat jelata secara optimum dalam industri kapas dan kaitannya dengan isu perhambaan.

1.2 Permasalahan Kajian

Environmental Justice Foundation (EJF) dan *Uzbek-German Forum For Human Rights* (UGF) mendakwa bahawa Uzbekistan merupakan pengeluar keenam terbesar dan pengeksport ketiga terbesar kapas di dunia pada tahun 2013. Dianggarkan bahawa sebanyak US\$ 1 billion (£622 juta) perolehan daripada hasil jualan tahunan 1 juta tan kapas.¹ Walaupun pengusahaan kapas membawa manfaat yang besar terhadap ekonomi Uzbekistan, penglibatan rakyat secara paksa pada setiap kali musim menuai, secara tidak langsungnya telah mencetuskan isu perhambaan melalui sistem kerja yang dilaksanakan. Didakwa bahawa kerajaan Uzbekistan di bawah pimpinan Presiden Islam Karimov telah bertindak memaksa lebih sejuta orang rakyatnya yang terdiri daripada orang dewasa seperti guru-guru, para askar, kakitangan awam dan swasta serta kanak-kanak untuk memetik kapas pada musim menuai. Kerahan terhadap rakyat awam termasuk kanak-kanak dalam industri kapas atau *white gold* ini telah membawa pulangan yang lumayan kepada Uzbekistan. Bagi pihak antarabangsa kerja memetik kapas di Uzbekistan dipersepsikan sebagai kerja buruh paksa dan merupakan suatu bentuk perhambaan apabila ianya melibatkan paksaan dan eksploitasi dari pelbagai sudut. Adakah wajar tuduhan yang dilemparkan oleh sebahagian komuniti antarabangsa ini? Apakah pertimbangan yang mendasari tuduhan ini dan bagaimana pula respon kerajaan Uzbekistan berkaitan dengan perkara ini. Justeru kajian ini cuba mengkaji dinamika industri kapas yang menjadi tonggak dasar ekonomi Islam Karimov dan sejauh mana kewajaran tuduhan "perhambaan" yang dilemparkan oleh pihak-pihak tertentu terhadap guna tenaga buruh dalam industri ini.

Antara persoalan-persoalan yang timbul adalah:-

- 1) Apakah dasar ekonomi Uzbekistan selepas merdeka di bawah Presiden Islam Karimov?
- 2) Bagimanakah pengoperasian industri kapas ini dari segi guna tenaga dan mengapakah timbulnya isu 'perhambaan' oleh pihak tertentu?
- 3) Apakah reaksi pelbagai pihak (pihak yang menuduh dan dituduh) tentang isu pengeksploitan buruh yang bersifat perhambaan ini?

¹ *White Gold Uzbekistan, A Slave Nation For Our Cotton?* dalam http://ejfoundation.org/sites/default/files/public/ejf_uzbek_harvest_WEB.pdf, akses pada 23 April 2014.

1.3 Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini dijalankan bagi menjelaskan tentang industri pengeluaran kapas di Uzbekistan, yakni tonggak dasar ekonomi negara Uzbekistan semasa era pemerintahan Islam Karimov (1991-2014) dan isu perhambaan yang wujud dalam industri ini.

Oleh itu, terdapat beberapa objektif khusus yang lain dibentuk bagi mencapai objektif utama kajian ini dan akan membantu dalam menjawab persoalan kajian. Objektif penyelidikan ini adalah:-

- 1) Memahami dasar ekonomi Uzbekistan selepas merdeka dan meneliti kedudukan industri kapas dalam sektor ekonomi Uzbekistan semasa era pentadbiran Presiden Islam Karimov.
- 2) Menganalisis realiti kehidupan sumber tenaga manusia dalam industri kapas yang dilabelkan sebagai suatu bentuk 'perhambaan' ini.
- 3) Menilai reaksi pelbagai pihak dalam isu pengeksploitan tenaga buruh ini.

1.4 Sorotan Literatur

Penelitian terhadap kajian yang akan dilakukan ini akan ditumpukan kepada idea utama iaitu berkaitan dengan dasar ekonomi utama yang dilaksanakan di Uzbekistan selepas merdeka iaitu di bawah pimpinan Presiden Islam Karimov serta kedudukan industri kapas dalam sektor ini yang mempergunakan tenaga manusia sebagai jentera guna tenaga. Pegangan dasar ekonomi utama Presiden Islam Karimov yang dilaksanakan di Uzbekistan selepas mencapai kemerdekaan daripada Rusia dan Soviet Union adalah dirujuk dalam pelbagai karya oleh penulis awal yang mana ianya melibatkan penulisan sarjana seperti Neil J. Melvin, Keith A. Darden, Scott Radnitz, Jones-Luong dan Knowlton. Melvin (2000) menjelaskan bahawa melalui pemerintahan Presiden Islam Karimov, beliau lebih memilih untuk membangunkan satu set dasar yang berorientasikan memperluaskan kawalan ke atas ekonomi dan bukannya melaksanakan pembaharuan struktur.² Sejak merdeka lagi, Uzbekistan mengamalkan dasar ekonomi yang bercirikan pasaran, yang mana akan memberikan kesenangan kepada masyarakat. Namun sebenarnya, dasar ekonomi yang diamalkan mempunyai agenda untuk memelihara kawalan politik autokratik dan untuk

² Melvin, N. J., *Uzbekistan Transition To Authoritarianism On The Silk Road*, The Netherland: Harwood Academic Publishers, 2000, hlm. 61.

kesinambungan korupsi dalam negeri.³ Darden (2009) dalam kajian beliau berkenaan dasar ekonomi utama Presiden Islam Karimov selepas merdeka menjelaskan bahawa Uzbekistan perlu memastikan kitaran tertutup pengeluaran dalam produk tertentu dan tidak bergantung kepada import.⁴ Selepas tahun 1995, dasar ekonomi domestik Uzbekistan pula lebih kepada dasar autarki⁵ dan mewujudkan sara diri negara merupakan keutamaan dalam ekonomi negara sejak tahun 1990.⁶ Luong (2004) menyatakan bahawa pembangunan yang pesat dalam industri dan pergantungan kepada sumber-sumber mereka sendiri adalah kunci kepada pembangunan Uzbekistan. Pandangan Presiden Islam Karimov ini telah menjadi tema panduan dasar ekonomi Uzbekistan semasa tahun 1994.⁷ Pegangan dasar ekonomi Islam Karimov juga telah menjadikan rakyat Uzbekistan sebagai buruh paksa melalui kerajaan Uzbekistan yang diselia di bawah pegawai yang diamanahkan oleh kerajaan. Knowlton (2005) mendakwa bahawa kapas ditanam di ladang milik kerajaan sendiri, namun pekerja kapas datang daripada hasil gesaan kerajaan melalui surat khabar mereka dengan slogan '*Reap Prosperity*'. Dalam penulisan Knowlton juga, ada dinyatakan bahawa kerajaan menafikan memaksa rakyatnya menuai kapas, dan sebaliknya menjelaskan bahawa rakyatnya sukarela menuai kapas dengan rasa cinta ke atas tanah air mereka.⁸

Beberapa penulisan secara umum membantu penyelidik untuk melihat sejarah industri kapas di Uzbekistan sama ada sebelum mahu pun selepas merdeka. Bendini (2013) menjelaskan semasa pemerintahan Soviet Union di Uzbekistan, *output* kapas mencecah sehingga lima juta tan pada tahun 1980 (iaitu sepuluh kali ganda dari tahun 1913).⁹ Adle (2005) pula menyatakan bahawa berbanding tahun 1924, Uzbekistan pada tahun 1940 telah memperluaskan pengeluaran pertanian sebanyak 130 per sen.¹⁰ Sekitar

³ *Ibid.*, hlm. 69.

⁴ Darden, K. A, *Economic Liberalism and Its Rivals: The Formation of International Institutions Among The Post-Soviet States*, Cambridge New York: Cambridge University Press, 2009, hlm. 202-203.

⁵ *Ibid.*, hlm. 203. Autarki bermaksud sebuah negara yang mampu dan mencukupi. Dalam <http://www.investopedia.com>, akses pada 25 Februari 2017.

⁶ *Ibid.*, hlm. 204.

⁷ Luong, P. J., *Institutional Change and Political Continuity In Post-Soviet Central Asia; Power, Perception and Pacts*, United Kingdom: The Press Syndicate of The University of Cambridge The Pitt Building, 2004, hlm. 133-134.

⁸ Knowlton. M., *Cultures of The World: Uzbekistan*, New York: Marshall Cavendish, 2005, hlm. 45-47.

⁹ Bendini, R., *Uzbekistan: Selected Trade and Economic Issues*, Brussels: European Union, hlm. 21.

¹⁰ Adle, C., (Ed), *History of Civilizations of Central Asia/ [UNESCO]*, Vol. 6; Multiple History Series, Paris: UNESCO Publishing, 2005, hlm. 228.

tahun 1920, hanya terdapat beberapa sahaja jentera yang membantu dalam pertanian, berbanding tahun 1940, jentera yang ada menjangkau jumlah 24 200.¹¹ Daripada jumlah keseluruhan dapatan dalam pertanian, sebanyak 81.5 per sen daripadanya adalah hasil daripada kapas.¹² McCray dan Gritzner (2004) mendakwa bahawa politik telah menentukan ekonomi Uzbekistan. Akhir 1800-an, empayar Rusia yang menguasai Asia Tengah telah menentukan untuk mentransformasikan kawasan ini menjadi pangkalan bekalan kapas untuk empayar mereka. Sehingga tahun 1917, empayar Rusia telah digulingkan oleh kuasa komunis, *Union of Soviet Socialist Republics* (USSR). Pengeluaran kapas telah mengalami pecutan dan peningkatan sekaligus penanamannya meliputi kawasan tanah pengairan. Keadaan ini menyaksikan peningkatan hasil kapas dengan jumlah 786 000 tan metrik tahun 1932 kepada 3.3 juta tan metrik pada tahun 1956, dan 5.83 jutaan tan metrik tahun 1984. Hingga tahun 1984, 62% daripada tanah pengairan Uzbekistan telah ditanami kapas.¹³ Bhat (2015) menyatakan bahawa pertanian memainkan peranan dalam ekonomi Uzbekistan kerana ianya melibatkan 60% daripada penduduk luar bandar, yang mana ia merupakan asas bagi pembangunan industri utama dan menjadi sumber utama dalam sumber eksport dan pendapatan mata wang.¹⁴ Cavendish (2007) menjelaskan bahawa kapas merupakan produk eksport utama Uzbekistan ke negara Soviet Union, dan di bawah desakan Moscow, Uzbekistan harus meningkatkan pengeluaran kapas setiap tahun. Permintaan pengeluaran kapas yang semakin tinggi membawa kepada pengairan besar-besaran, namun pengairan ini tidak dapat ditampung oleh Sungai Amu Darya.¹⁵

Penulisan yang memfokuskan secara langsung mengenai realiti kehidupan dan jenis-jenis eksploitasi yang terpaksa dilalui oleh rakyat Uzbekistan setiap kali musim menuai kapas adalah tidak banyak. Antara kajian dan penulisan tersebut ada dicatatkan oleh Braden, Murray, Zanca. Braden (1993) dalam penulisannya menyatakan bahawa

¹¹ Khozyaystvo, N., "Uzbekskoy SSR za 50 let. Sbornik Statmaterialov" dalam Adle, C., *History of Civilizations of Central Asia/ [UNESCO]*, Vol. 6; Multiple History Series, Paris: UNESCO Publishing, 2005, hlm. 228.

¹² Adle, C., (Ed), *History of Civilizations of Central Asia/ [UNESCO]*, Vol. 6; Multiple History Series, Paris: UNESCO Publishing, 2005, hlm. 228.

¹³ McCray, T. R. & Gritzner, C. F., *Uzbekistan*, Philadelphia: Chelsea House Publishers, hlm. 54.

¹⁴ Bhat, B., *Cotton Cultivation and Child Labor In Post-Soviet Uzbekistan*, Maryland: Lexington Books, hlm. 120.

¹⁵ Cavendish, M., *World and Its People, Arabian Peninsula: Bahrain, Oman Qatar, Saudi Arabia, UAE, Yemen*, Vol. 1, Tarrytown, New York: Marshall Cavendish, 2007, hlm. 700.

kawasan penanaman kapas yang diperluas telah menyebabkan Laut Aral semakin mengecil dan ini secara tidak langsungnya menyebabkan kepanasan yang melampau. Jisim tanah yang secara tradisionalnya kaya dengan agrikultur, kini hanya menjadi satu lagenda kerana keadaan tanahnya yang bertukar menjadi tanah berkimia yang beracun. Beliau juga mengutuk bahawa industri kapas di Uzbekistan hanya menghasilkan hamba dan bukannya memberi kebebasan kepada mereka yang bekerja. Menurutnya, para pelajar, kanak-kanak, pekerja teknikal dan beribu-ribu lagi rakyat telah menjadi jentera kapas.¹⁶ Realiti kehidupan sebenar rakyat di Uzbekistan turut dijelaskan oleh Murray (2011) dalam penulisannya. Beliau melabelkan Presiden Islam Karimov sebagai seorang diktator dengan dasar pentadbiran kerajaan yang rigid dan menyekat hak asasi manusia. Keadaan ini dibuktikan dengan peningkatan hasil pengeluaran kapas dengan menggunakan tenaga buruh paksa terikat. Rakyat mengalami masalah dalam mempertahankan hak asasi mereka, sehinggakan internet dikawal rapi dengan setiap pembekal internet perlu melalui *server* kerajaan dan kebanyakan laman web yang membangkang dasar kerajaan Uzbekistan terutamanya media antarabangsa, akan disekat. Murray turut mendakwa semua orang merasa takut kepada pentadbiran Karimov termasuklah kedutaan Uzbekistan, yang mana mereka menjadi diam, dan menundukkan kepala apabila ditanya mengenai situasi politik dan ekonomi negara.¹⁷ Zanca (2011) turut mendakwa bahawa rakyat Uzbekistan tertakluk dengan arahan yang kuat daripada kerajaan baru negara mereka. Mereka dikenakan denda seperti pemotongan bekalan atau mungkin dipenjarakan (pemimpin tempatan), sekiranya tidak mencapai jumlah target pengeluaran kapas seperti yang telah ditetapkan. Rakyat dipaksa bekerja untuk meningkatkan jumlah keluaran kapas.¹⁸ Kenyataan ini dikukuhkan lagi dengan hujah Stevenson (2012) yang mana beliau menjelaskan kanak-kanak seawal usia enam tahun, dan kebanyakannya 11 tahun ke atas dihantar ke ladang kapas selama dua bulan untuk menuai kapas. Kanak-kanak ini mendapat sedikit atau pun tiada langsung upah mereka sebagai buruh. Dari segi teorinya pula, petani mengendalikan tanaman mereka secara persendirian, namun realitinya mereka hanya tertakluk di bawah kawalan kerajaan kerana mereka memegang pajakan jangka masa panjang, dan bukannya pemilikan langsung. Kerajaan pula memaksa mereka menjual kapas kepada pihak kerajaan dengan

¹⁶ Braden, M., *She Said What?: Interviews With Women Newspaper Columnist*, Lexington: The University Press of Kentucky, 1993, hlm. 72-74.

¹⁷ Murray, C., *Dirty Diplomacy: The Rough-and-Tumble Adventures of A Scotch-Drinking, Skirt-Chasing, Dictator-Busting and Thoroughly Unrepentant Ambassador Stuck on The Frontline of The War Against Terror*, New York: Simon and Schuster, 2011, Tanpa Halaman.

¹⁸ Zanca, R., *Life In a Muslim Uzbek Village: Cotton Farming After Communism (1st edition)*, Wadsworth: Cengage Learning, 2011, hlm. xxii.

harga yang lebih rendah daripada harga pasaran.¹⁹ Ibbotson et. al (2013) turut menzahirkan keadaan rakyat Uzbekistan yang menerima impak sama ada positif mahupun negatif hasil daripada industri kapas. Ekonomi Uzbekistan bertambah meningkat dengan hasil kapas, emas, minyak dan gas. Namun, keadaan persekitaran Uzbekistan menerima kesan negatif hasil daripada baja kimia yang banyak digunakan. Begitu juga, buruh paksa telah digunakan setiap kali musim menuai selama berdekad-dekad.²⁰ Oleh yang demikian, penulisan-penulisan ini membantu kajian untuk menilai realiti kehidupan rakyat Uzbekistan yang ditadbir oleh pimpinan Islam Karimov.

Kebanyakan penulisan awal yang berkaitan dengan dasar ekonomi utama Presiden Islam Karimov begitu minimal dan hanya memfokuskan kepada dasar ekonomi secara umum. Begitu juga dengan penulisan tentang realiti kehidupan rakyat Uzbekistan yang dipaksa menuai kapas, hanya dicatatkan secara umum tanpa perkaitan dengan dasar ekonomi yang dilaksanakan. Walau bagaimanapun, penulisan awal ini telah membantu kajian ini untuk melihat dasar ekonomi yang diamalkan dalam pemerintahan Islam Karimov mengheret rakyat menjadi buruh paksa dalam industri kapas.

Istilah hamba yang wujud di Uzbekistan turut dijelaskan berdasarkan kepada kajian lepas. Isu hamba yang wujud hasil daripada perkembangan industri kapas Uzbekistan dirujuk berdasarkan beberapa karya penulisan sarjana awal. Kevin Bales, Zoe Trodd, Alex Kent Williamson, Ron Soodalter, Bradley Mayhew dan Peter Iadicola serta Anson Shupe. Bales et. al (2010) mendakwa bahawa unsur-unsur perhambaan wujud dalam kehidupan seharian kita. Unsur ini mungkin wujud daripada barangan yang kita gunakan seharian yang mana ianya mungkin hasil daripada titik peluh mereka yang dipaksa bekerja.²¹ Dalam konteks negara Uzbekistan sendiri, rakyatnya dipaksa menuai kapas setiap tahun jelas menunjukkan bahawa 'pemaksaan' untuk bekerja di ladang kapas mempunyai unsur perhambaan. Kenyataan ini disokong oleh Mayhew et. al. (2010) menjelaskan kerajaan Uzbekistan tidak membenarkan para petani menukarkan tanaman kapas kepada penanaman buah-buahan. Melalui sistem yang diamalkan, setiap kali musim luruh, para pelajar dan orang dewasa akan dihantar untuk menuai kapas. Tindakan ini mendapat kecaman antarabangsa dan menyebabkan produk kapas dari

¹⁹ Stevenson. S., *Stalin's Legacy: The Soviet War on Nature*, Edinburgh: Birlinn Ltd, 2012, Tanpa Halaman.

²⁰ Ibbotson. S & Max Lovell-Hoare, *Uzbekistan*, Chalfont St. Peter: Bradt Travel Guide, 2013, hlm. 17-18.

²¹ Bales, K. dan Soodalter, R., *The Slave Next Door: Human Trafficking and Slavery In America Today*, London: University of California Press, 2010, hlm. 137.

Uzbekistan diboikot kerana memperhambakan rakyat.²² Bales (2004) turut mendakwa bahawa wujudnya bentuk perhambaan dalam sistem yang diguna pakai dalam industri kapas Uzbekistan. Namun, bentuk perhambaan yang wujud di Uzbekistan adalah 'unik' kerana kerajaannya sendiri yang menaja sumber hamba. Walaupun demikian, dalam kebanyakan kes di Uzbekistan, pegawai kerajaan tidak menaja secara langsung hamba ini, tetapi dibayar sama ada untuk menyelia atau membantu pemilik hamba dengan berperanan sebagai peronda yang menangkap hamba yang melarikan diri.²³

Beberapa penulisan lain secara umum dirujuk bagi membantu kajian dalam melihat makna perhambaan dan jenis-jenis buruh yang ada. Rodriguez (1997) menyatakan bahawa semasa zaman masyarakat purba, perhambaan telah diterima sebagai sebahagian daripada susunan hirarki sosial semula jadi. Bagi mereka, perhambaan yang dilihat sebagai salah satu perkakasan ekonomi yang boleh menyumbangkan tenaga buruh dan menginstitusikan kekayaan, tidak akan dipersoalkan tujuannya. Tambahnya lagi, tiada kerajaan mahu pun institusi agama yang pernah cuba untuk campur tangan dalam usaha untuk mengurangkan penggunaan hamba pada ketika itu. Dengan itu, tiada tindakan mahu pun peranan yang sistematik yang dilakukan, kerana bagi mereka perhambaan bukanlah suatu isu moral.²⁴ Stevenson (2015) dalam penulisannya menyatakan bahawa Asia Tengah merupakan kawasan besar dunia, yang merangkumi kawasan dari Mongolia hingga ke pergunungan Caucasus dan dari Kazakhstan ke Afghanistan, tidak terkecuali daripada institusi perhambaan. Ketika itu, hamba merupakan suatu 'barang' yang penting yang menjadi pertukaran di sepanjang *The Silk Road*. Selain itu, kebanyakan hamba abdi lelaki, terutamanya lelaki Turki, akan menjadi askar, manakala hamba wanita pula akan dijadikan gundik dalam negeri.²⁵ Bales (2004) pula mendakwa bahawa hamba kini, bukanlah suatu yang berkaitan dengan soal hak milik individu. Hamba moden atau hamba yang wujud dalam zaman sekarang adalah haram untuk dimiliki. Bezanya, hamba yang wujud dulu dan sekarang adalah dikawal

²² Mayhew et. al, *Central Asia: Kazakhstan, Tajikistan, Uzbekistan, Kyrgyzstan, Turkmenistan*, London: Lonely Planet, 2010, hlm. 209.

²³ Bales, K., "New Slavery 2nd Edition", dalam Peter Iadicola and Anson Shupe, *Violence, Inequality and Human Freedom (3rd Edition)*, United Kingdom: Rowman & Littlefield Publishers, Inc, 2013, hlm. 430.

²⁴ Rodriguez, J. P., *The Historical Encyclopedia Of WORLD SLAVERY*, Vol. 1. A-K, Santa Barbara, California: Oxford, 1997, hlm. xiv.

²⁵ Stevenson, B. E., *What Is Slavery?*, USA: Polity Press, 2015, Tanpa Halaman.

oleh orang perseorangan kepada yang lain dengan tujuan untuk eksploitasi ekonomi.²⁶ Dalam konteks pemahaman lain yang berkaitan dengan hamba, Kevin Bales, Zoe Trodd dan Alex Kent Williamson berpendapat bahawa perhambaan boleh didefinisikan sebagai suatu hubungan di antara seorang dengan yang lain melalui kekerasan, mendapat ancaman atau paksaan psikologi, telah kehilangan kebebasan, tiada pergerakan bebas, dieksploitasi dari segi ekonomi, dan tidak dibayar melebihi nilai sara hidup. Begitu juga, hamba dipaksa melakukan pekerjaan untuk mendapatkan keuntungan dan mereka tidak boleh lari dari keadaan sedemikian.²⁷ Adle (2005) pula menjelaskan serba sedikit tentang buruh di Asia Tengah. Ketika zaman pemerintahan rejim Soviet di Asia Tengah, buruh wanita hanya digunakan dalam pekerjaan yang tidak memerlukan kekuatan fizikal. Namun, lewat 1920-an, keadaan ini telah bertukar. Beban kerja antara buruh lelaki dengan buruh wanita telah disamaratakan. Misalnya, buruh wanita juga terlibat dalam aktiviti pembinaan seperti mengangkut batu bata dan menyusun batu. Pada tahun 1930, 80% daripada buruh di ladang kapas di Uzbekistan adalah wanita.²⁸

Ternyata, kajian dan penulisan awal yang berkaitan dengan dasar ekonomi utama Presiden Islam Karimov, industri kapas di Uzbekistan, serta guna tenaga buruh dalam industri kapas telah pun dilakukan, namun masih terdapat kelompangan yang ketara. Maka, penulisan yang bakal dilakukan akan dilihat dari sudut perkaitan dan kesinambungan, khususnya dalam hubungkait antara dasar ekonomi utama yang diaplikasikan dalam sistem pengeluaran kapas di Uzbekistan mengikut acuan pemimpin utamanya yang telah mengheret rakyat Uzbekistan menjadi buruh paksa yang sehingga menimbulkan unsur-unsur atau ciri-ciri perhambaan.

1.5 Kepentingan Kajian

Melalui penelitian awal yang telah dilakukan, didapati bahawa aspek dasar ekonomi utama Presiden Islam Karimov tidak dinyatakan secara jelas. Kebanyakan penulisan yang ada tidak menyentuh mengenai hubungkait antara dasar ekonomi yang dijalankan dengan sistem buruh paksa dalam industri kapas di Uzbekistan dengan jelas. Dalam masa yang sama, penelitian terhadap beberapa penulisan awal yang lain mendapati

²⁶ Bales, K., *New Slavery In The Global Economy (Revised Edition With A New Preface)*, London, England: University of California Press, 2004, hlm. 179.

²⁷ Bales, K., Trodd, Z., dan Williamson, A. K., *Modern Slavery*, England: Oneworld Publications, 2011, Tanpa hlm.

²⁸ Adle, C., (Ed), *History of Civilizations of Central Asia/ [UNESCO]*, Vol. 6; Multiple History Series, Paris: UNESCO Publishing, 2005, hlm. 534.

bahawa realiti kehidupan rakyat yang dieksploitasi tidak diperincikan. Terdapat juga kelompangan dalam literatur tentang jenis-jenis eksploitasi yang dihadapi oleh rakyat Uzbekistan. Peranan pihak lain dalam membantah tindakan kerajaan Uzbekistan yang mengerah rakyat secara ekstrim turut tidak dijelaskan secara efektif dalam penulisan awal. Namun, kesignifikanan kajian ini terserlah apabila ia menyumbang kepada satu pentafsiran baru dalam sejarah perburuhan industri kapas di Uzbekistan.

1.6 Skop Kajian

Kajian mengenai industri kapas dan isu 'perhambaan' di Republik Uzbekistan dijalankan dengan melihat kepada skop masa pentadbiran Presiden Islam Karimov di Uzbekistan dari tahun 1990 hingga 2014. Walaupun jangka masa kajian adalah pada tahun 1990 hingga 2014, penilaian tidak terbatas kepada perubahan yang berlaku dalam tempoh ini sahaja tetapi akan juga merangkumi sedikit perbincangan sebelum 1990 dan selepas 2014 untuk memberikan satu keseimbangan kepada penulisan ini. Kesignifikanan tempoh 1990 dapat dilihat sebagai era di mana Islam Karimov dilantik sebagai Presiden pertama Uzbek Supreme Soviet, dan seterusnya mengisytiharkan Uzbekistan sebagai sebuah republik yang merdeka. Tahun 2014 penting kerana ia telah diisytiharkan sebagai tahun pembangunan dan kemajuan serta pada tahun 2014 juga pihak kerajaan Uzbekistan berjanji tidak akan menggunakan buruh kanak-kanak dalam industri kapas mereka.

Dari segi skop tempat kajian ini, akan memfokuskan kepada negara Uzbekistan iaitu sebuah negara yang terletak di benua Asia Tengah dan merdeka pada September 1, 1991.

Seterusnya, kajian ini tergolong dalam skop bidang sejarah antarabangsa. Dari segi konsep pula, istilah 'perhambaan' adalah dakwaan yang telah dilemparkan oleh pihak antarabangsa terhadap realiti kehidupan rakyat yang bekerja dalam industri kapas di Uzbekistan. Perkataan 'perhambaan' diletakkan dalam tanda pengikat kata ('...') disebabkan ianya adalah hanya dakwaan pihak luar, sedangkan pihak kerajaan Uzbekistan tidak pernah menganggap ianya sebagai suatu yang berbentuk perhambaan. Ia diletakkan sebagai 'perhambaan' kerana isu inilah yang akan mendasari keseluruhan argumen atau permasalahan dalam pengkajian ini, yakni adakah benar kepenggunaan buruh dalam industri kapas di Uzbekistan itu adalah suatu bentuk perhambaan atau ia hanyalah bersifat kerahan sahaja.

1.7 Kaedah Kajian

Pengkaji menggunakan sumber primer dan juga sekunder dalam kajian tentang kapas dan perhambaan yang berlaku di Uzbekistan. Sumber primer merujuk kepada dokumen, laporan dan statistik daripada kerajaan sendiri, surat khabar, temubual, diari, autobiografi, dokumentari, pendapat awam, gambar, peta dan bahan visual boleh didapati daripada laman sesawang pihak antarabangsa seperti *UK Parliament*, *International Labour Organization (ILO)*, *UN Committee on The Rights of The Child*, *UN Human Rights Council*, *Human Rights Watch (HRW)*, *Anti-Slavery International*, *Boston Common Asset*, *Environmental Justice Foundation (EJF)*, *Uzbek-German Forum For Human Right (UGF)*, *European Centre for Constitutional and Human Rights*, dan *Human Rights Society of Uzbekistan "Ezgulik"*.

Kajian kepustakaan pula merupakan sumber sekunder yang digunakan dalam kajian ini. Sumber sekunder ini diperolehi daripada perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dan juga daripada buku di atas talian. Antara penulisan yang dirujuk termasuklah dalam bentuk jurnal, buku dan juga artikel.

Sumber atau data primer dianalisis bagi merujuk dasar ekonomi utama Presiden Islam Karimov, perkembangan industri kapas di Uzbekistan, guna tenaga dan pengoperasian industri kapas di bawah pemerintahan Presiden Islam Karimov, jenis-jenis eksploitasi yang dilakukan ke atas buruh paksa dan juga campur tangan pihak luar dalam membanteras penggunaan buruh paksa di Uzbekistan. Keseluruhan maklumat adalah berdasarkan kepada data yang diperolehi daripada pihak kerajaan Uzbekistan, pihak *International Labour Organization*, pihak *Anti-Slavery International*, pihak *Human Rights Watch* dan juga temubual yang dibuat oleh para jurnalis. Sungguhpun kebanyakan data yang diperolehi daripada pihak kerajaan mencerminkan persepsi yang berbeza, namun realiti yang dialami oleh rakyat Uzbekistan mampu dinilai daripada temubual yang dilakukan oleh beberapa wartawan, aktivis, dan kakitangan pihak-pihak yang berwajib (seperti *ILO*, *Anti-Slavery International*, *Human Rights Watch*) dan laporan-laporan daripada persidangan hak asasi manusia. Sebarang isu atau data yang bias yang jelas dalam dokumen atau laporan kerajaan Uzbekistan ini boleh dikurangkan atau pun diseimbangkan dengan membuat perbandingan dengan sumber-sumber lain seperti dokumen daripada *The International Labour Organization*, *The Anti-Slavery Society* atau *Hansards*.